

'Hapuskan dadah, hapuskan dadah' bergema

KUALA LUMPUR, Sabtu — Terliakan 'hapuskan dadah, hapuskan dadah' berku-m a n d a n g di Angkasapuri hari ini sebaik sahaja Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyalakan api untuk memusnahkan dadah, sebagai simbol peperangan habis-habisan terhadap penyalah-gunaan dadah, di pelancaran *Kempen Anti-Dadah Peringkat Kebangsaan*.

Api yang menjulang tinggi membakar setiap contoh dadah dan alat yang digunakan oleh penagih itu seolah-olah melambangkan hasrat kerajaan untuk menghapuskan setiap inci *musuh utama negara* itu.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam, yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kabinet Anti-Dadah; Menteri Penerangan, Encik Mohd. Adib Adam, selaku Pengerusi Jawatankuasa Kempen; Pengerusi Pemadam, Datuk Rais Yatim dan Menteri-Menteri Kabinet adalah antara orang kenamaan yang hadir.

Sejurus selepas ketibaan Perdana Menteri, ikrar ibu-bapa berku-m a n d a n g memecah suasana, dengan kata-kata memerangsangkan serta ikrar akan menghapuskan dadah dari akar-umbunya.

Ini diikuti oleh ikrar dari kaum belia, juga dengan kata-kata bersemangat untuk menghan-curkan dadah dari bumi ini.

Ibu-bapa berikrar mendekatkan diri dengan anak-anak mereka supaya mereka tidak terperangkap dengan dadah, sementara belia-belia berikrar taat-setia kepada negara untuk menjadi rakyat yang berguna.

Pameran dan pertunjukan video mengenai bahaya dadah ditunjukkan di setiap penjuru Angkasapuri.

Sewaktu pelancaran itu, satu pentomin mengenai dadah dipersembahkan oleh kakitangan Pentarama, Jabatan Penerangan.

Kempen itu bertema-kan *'Dadah - Cegah Sebelum Parah'*.